

Headline **P1, Mimos mula ujian Jen-ii di Chini Timur**
Date **10 Dec 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **53**
Article Size **85 cm²**
Color **One Spot Color**
ADValue **491**
PRValue **1,474**



P1, Mimos mula ujian Jen-ii di Chini Timur

KUALA LUMPUR – Packet One Networks (Malaysia) Sdn. Bhd. (P1) bergabung dengan Mimos Bhd. untuk memulakan ujian langsung Jen-ii (Jendela Informasi Internet) di Chini Timur.

"Kerjasama ini membolehkan P1 mengembangkan capaian Pusat Jalur Lebar Komuniti (CBC) P1 yang konsepnya sudah terbukti ke rumah-rumah terpilih di Chini Timur," kata WiMax, syarikat telekomunikasi (Telco) utama menerusi satu kenyataan semalam.

Pada masa kini, P1 merupakan satu-satunya Telco Wimax yang diberi kebenaran oleh Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia untuk mengembangkan WiMax ke seluruh negara.

Jen-ii ialah peranti dan perkakasan literasi maklumat berasaskan ikon berkos rendah yang dibangunkan khusus untuk menyemarakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di kalangan masyarakat luar bandar serta warga tua bagi merapatkan jurang digital.

P1 berkata, warga tua Chini Timur dikenal pasti sebagai sebahagian daripada program itu kerana mereka antara golongan yang tidak mungkin meluangkan masa di CBC P1 selain tidak mesra teknologi.

"Dengan fungsi komputer yang mudah, warga tua boleh mengakses Internet hanya dengan tiga klik tetikus di rumah sendiri," katanya.